



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



mengenai

SARS

Severe Acute Respiratory Syndrome

Sejak Februari 2003, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah melaporkan berlakunya sejenis wabak radang paru-paru yang teruk berlaku di beberapa buah negara di seluruh dunia. "Kawasan yang mempunyai jangkitan" bermaksud negara / kawasan yang mempunyai rangkaian jangkitan di kalangan penduduk tempatan sebagaimana dilaporkan oleh Pihak Berkuasa Kesihatan Awam Kebangsaan.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai senarai negara yang terjejas, sila rujuk ke laman web Pertubuhan kesihatan Sedunia www.who.int dan kenyataan akhbar dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

Wabak ini dikenali sebagai "Severe Acute Respiratory Syndrome" (SARS). SARS adalah sejenis penyakit pernafasan akut yang teruk yang boleh mengakibatkan penyakit radang paru-paru ("atypical pneumonia").

Tanda dan gejala SARS adalah demam panas secara mendadak (lebih 38°C atau lebih 100.4°F) dalam tempoh 10 hari selepas mengunjungi negara / kawasan jangkitan SARS, dan mengalami satu atau lebih masalah pernafasan seperti batuk-batuk dan kesukaran bernafas. Lain-lain tanda dan gejala SARS ialah sakit tekak, sakit-sakit otot dan sakit kepala.

JANGAN BERKUNJUNG KE NEGARA / KAWASAN YANG MEMPUNYAI JANGKITAN SARS PADA MASA INI

Sekiranya anda terpaksa pergi ke negara / kawasan terjejas, sila patuhi langkah-langkah berikut :

- Elakkan diri anda berhubung rapat dengan pesakit SARS. Sekiranya anda perlu berhubung dengan mereka, anda dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri yang baik dan menggunakan penutup hidung dan mulut (“Protective mask”) yang sesuai.
- Jauhi kawasan sesak. Jika terpaksa, gunakan penutup hidung dan mulut yang diganti setiap hari.
- Amalkan kebersihan diri yang sempurna sepanjang masa iaitu :
 - Tutup mulut anda dengan tisu apabila anda batuk atau bersin dan basuh tangan dengan air dan sabun, terutama sekali apabila anda menyentuh mata, mulut dan hidung.
- Jika anda jatuh sakit di sana, sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda baru kembali dari negara / kawasan yang mempunyai jangkitan SARS :

Anda sepatutnya menjauhi diri dari berhubung dengan orang lain selama 10 hari. Jika dalam tempoh tersebut anda mengalami demam panas yang mendadak (lebih 38°C atau lebih 100.4°F) dan satu atau lebih masalah pernafasan seperti batuk, sesak atau sukar bernafas, anda dinasihatkan pergi ke hospital yang ditetapkan untuk kes SARS atau hospital kerajaan yang berhampiran dengan segera untuk rawatan.

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN



Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia
Tingkat 2, Blok A, Komplek Pejabat-Pejabat Kesihatan
Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2694 6394 • Faks : 03 - 2694 4193 / 03 - 2694 6404
Laman Web : <http://webjka.dph.gov.my/sars>
30 April 2003